

Publication	Bernama	Section / Page	Online	Date	12/5/ 2022
Headline	Untung Bersih Takaful Malaysia Susut Kepada RM88.67juta				

KUALA LUMPUR, 11 Mei (Bernama) – Untung bersih Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Bhd (Takaful Malaysia) susut kepada RM86.77 juta pada suku pertama berakhir 31 Mac, 2022 (S1TK22) daripada RM101.14 juta pada suku yang sama tahun lepas.

Dalam makluman kepada Bursa Malaysia hari ini, syarikat insurans itu berkata ia merekodkan hasil operasi sebanyak RM997.4 juta pada suku itu, meningkat sembilan peratus berbanding RM915.5 juta pada tempoh yang sama tahun sebelumnya.

"Peningkatan ini disebabkan terutamanya oleh jualan yang lebih tinggi daripada perniagaan takaful keluarga dan takaful am," katanya.

Pada suku tersebut, ia berkata caruman pendapatan kasar yang dijana perniagaan takaful keluarga meningkat sebanyak 11 peratus tahun ke tahun (y-o-y) kepada RM531.4 juta terutamanya disebabkan oleh jualan yang lebih tinggi daripada produk berkaitan kredit.

Ia berkata caruman pendapatan kasar yang dijana daripada perniagaan takaful am berkembang sebanyak 16 peratus tahun ke tahun kepada RM252.5 juta terutamanya dikaitkan dengan kelas perniagaan motor, kebakaran dan liabiliti.

Sementara itu, Takaful Malaysia berkata operasinya di Indonesia menyaksikan hasil operasi meningkat sedikit kepada RM39.4 juta pada S1TK22 berbanding RM31.5 juta dalam tempoh yang sama tahun sebelumnya.

Ia berkata sumbangan pendapatan kasar bagi tempoh itu adalah lebih tinggi pada RM33.7 juta berbanding RM25.1 juta dalam tempoh yang sama tahun sebelumnya.

Mengenai prospek, Takaful Malaysia berkata ia akan terus memanfaatkan kedudukannya sebagai peneraju pasaran dalam produk sumbangan tunggal sambil memberi tumpuan kepada produk caruman tetap runcit untuk pasaran runcit melalui saluran bancatakaful dan pengedaran digital bagi mempelbagaikan lagi portfolio perniagaannya.

"Fokus kumpulan pada 2022 adalah untuk memanfaatkan lagi perkongsian bancatakaful strategik yang telah ditubuhkan bersama institusi kewangan Islam terkemuka dengan memperkenalkan produk simpanan dan perlindungan baharu," tambahnya.